

## ***Imam-imam yang Benar oleh Abdul Latip Talib: Satu Kajian Proses Kreatif***

*Imam-imam yang Benar by Abdul Latip Talib: A Study of the Creative Process*

Aqhari Isa  
[aqhari94@gmail.com](mailto:aqhari94@gmail.com)

Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

**Published:** 25 October 2023

**To cite this article (APA):** Isa, A. (2023). *Imam-imam yang Benar oleh Abdul Latip Talib: Satu Kajian Proses Kreatif*. *PENDETA*, 14(2), 83–96. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.2.7.2023>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.2.7.2023>

### **ABSTRAK**

*Imam-imam yang Benar* merupakan sebuah novel kompilasi karya Abdul Latip Talib yang memuatkan kisah empat Imam Mazhab Ahli Sunah Waljamaah iaitu Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Syafie dan Imam Hanbali. Pengarang menceritakan kisah kehidupan mereka dengan gaya penulisan yang lebih menarik supaya ia sesuai sebagai sebuah karya kreatif. Tujuan kajian ini dijalankan untuk meneliti peringkat-peringkat proses kreatif Abdul Latip Talib dan kesannya terhadap penceritaan di dalam novel *Imam-imam yang Benar*. Permasalahan dalam kajian ini ialah proses kreatif pengarang merupakan proses mencipta sesuatu karya yang kreatif namun sejauh manakah proses kreatif Abdul Latip Talib memberi kesan penceritaan terhadap fakta sejarah Islam yang difiksyenkan ini. Kajian ini menggunakan kaedah analisis deskriptif yang berpandukan data kepusatkaan dan temu bual. Teori proses kreatif yang digunakan adalah model Graham Wallas dan model ini dikaitkan dengan beberapa pandangan tokoh sarjana lain yang bersesuaian. Hasil kajian mendapati bahawa proses kreatif Abdul Latip Talib mengikuti peringkat-peringkat proses kreatif yang dinyatakan oleh Wallas seperti persediaan, inkubasi, iluminasi dan verifikasi. Setiap peringkat proses kreatif ini memperlihatkan gerak kerja Abdul Latip Talib bergerak secara tersusun. Akhirnya, setiap gerak kerja ini telah memberi kesan penceritaan terhadap novel kompilasi *Imam-imam yang Benar* seperti aspek dakwah, kisah hidup tokoh, kisah benar, jumlah watak yang banyak, watak utama adalah lelaki, plot penceritaan disusun mengikut kronologi dan gaya bahasa yang puitis.

**Kata Kunci:** *Imam-imam yang Benar*; Abdul Latip Talib; proses kreatif; Graham Wallas; novel kompilasi

### **ABSTRACT**

*Imam-imam yang Benar* is a compilation novel by Abdul Latip Talib which includes the story of four Imams from Mazhab Ahli Sunah Waljamaah that are Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Syafie and Imam Hanbali. The author tells the story of their lives with a more compelling style of writing, so that it fits as a creative work. The purpose of this study was to examine the stages of Abdul Latip Talib's creative process and its effect on the narrative inside *Imam-imam yang Benar*. The problem in the study is that the author's creative process is the process of creating a creative work, but to what extent does Abdul Latip Talib's creative process affect the narration of this fictionalized Islamic historical fact. This study uses descriptive analysis methods based on bibliographic data and interviews. The creative process theory used is the Graham Wallas model and this model is associated with some of the other viewpoints of the corresponding scholars. The result of the study show that the creative process of Abdul Latip Talib's was following the stages of the creative process expressed by Wallas that is preparation, incubation, illumination and verification. Every stage of this creative process showing the Abdul Latip Talib writing stages moves systematically. Finally, each stage of the creative process has given the narrative impression to the compilation novel *Imam-imam yang Benar* such as dakwah aspect, life story, true story, a lot of characters, the main character is male, narrative plot is organized according to chronology and poetic language.

**Keywords:** *Imam-imam yang Benar*; Abdul Latip Talib; creative process; Graham Wallas; compilation novel

## PENGENALAN

Sastera merupakan seni yang dihasilkan melalui bahasa dalam pelbagai genre. Karya sastera biasanya memaparkan idea dan amanat pengarang dalam menyampaikan sesuatu mesej. Salah satu genre sastera ialah novel iaitu cerita yang berkaitan dengan pengalaman manusia dan kelakuan sosial. Istilah “novel” ialah kata pinjaman daripada bahasa Inggeris yang maknanya merujuk kepada kata sifat baru, baru diperkenalkan, luar biasa atau jenis yang dahulunya tidak diketahui (Hashim Awang, 1989: 10). Berdasarkan pernyataan Hashim Awang, istilah novel berasal dari barat yang kemudiannya dipinjamkan dan digunakan ke dalam Bahasa Melayu.

Sebagai sebuah genre, novel amat mudah *flexible* hingga ia boleh diterangkan sebagai sebuah karya prosa naratif yang panjang (M. K. Danziger & W. S. Johnson, 1983: 112). Hal ini membuatkan penulis novel lebih bebas mengarang berbanding dengan penulis cerpen yang terikat pada plot penceritaannya. Malah, novel terdiri dari satu rangkaian kehidupan seseorang manusia dan makhluk-makhluk yang berada di persekitarannya. Shahnon Ahmad mengatakan novel adalah satu bentuk penafsiran rencaman hidup manusia menerusi satu bentuk sastera iaitu cereka (Shahnon Ahmad, 1989: 4). Pernyataan Shahnon ini memberi gambaran bahawa novel dapat diterjemahkan dalam kehidupan manusia yang bermacam-macam ragam. Tiga faktor utama dalam novel yang disebut oleh Shahnon Ahmad adalah pengalaman peribadi, realiti rencaman hidup dan imaginasi yang mencetuskan idea pokok, kemudiannya dirombak menjadi sebuah karya dengan segala ciri-ciri novel yang diterima umum (Shahnon Ahmad, 1989: 4).

Dalam pada itu, novel dapat dikategorikan kepada beberapa jenis antaranya novel gothic, novel *thriller*, novel *picaresque* dan novel sejarah. Novel sejarah ialah sebuah cereka yang ceritanya berdasarkan kepada peristiwa sejarah yang sebenar. Menurut Joseph T. Shipley (1970: 218) dalam *Dictionary of World Literary Terms*, novel sejarah ialah fiksyen yang membawa maksud watak dan latar yang pernah wujud serta peristiwa lalu yang pernah berlaku dalam dirinya. Di sini terdapat beberapa ciri penting dalam novel sejarah, pertama aspek latar novel yang merujuk kepada sejarah. Kedua kewujudan watak-watak dan ketiga peristiwa sejarah. Oleh itu, novel sejarah mengandungi peristiwa sejarah yang dihidupkan oleh watak-watak berdasarkan imaginasi pengarang.

Di Malaysia novel sejarah telah lama muncul dan banyak dihasilkan antaranya *Anugerah* (1995) oleh Zaharah Nawawi, *1515* (2003) oleh Faisal Tehrani, dan *Tun Perak Paduka Raja* (2017) oleh Affifudin Omar. Hal ini dikatakan demikian kerana novel *Anugerah* (1995) ialah fiksyen sejarah yang bercerita mengenai semangat perjuangan menuju kemerdekaan (*Berita Harian Online*, 2017). Rosmah Derak (2014) pula mengatakan bahawa novel *1515* merupakan novel yang merubah semula sejarah Melaka yang ditawan oleh Portugis pada 1511. Menurut Mohamed Nazreen Shahul Hameed, Has Alia Hasnan dan Rohayah Md. Ali (2023) Tun Perak memainkan peranan yang sangat besar dalam segenap aspek pentadbiran di Melaka dan perkara ini ada dipersembahkan oleh Affifudin Omar menerusi naratif ciptaan dalam novel sejarah beliau yang berjudul *Tun Perak Paduka Raja* (2017). Kini penulisan novel sejarah Islam mula mendapat perhatian dalam kalangan pengarang di Malaysia antaranya Abdul Latip Talib. Walau bagaimanapun, Abdul Latip Talib berbeza dengan penulis novel sejarah yang lain kerana novel sejarah Islam yang ditulis olehnya menceritakan tentang tokoh agama yang hidup di zaman Nabi Muhammad, zaman Khulafa Al-Rasyidin, zaman Bani Umayyah, zaman Bani Abbasiyah dan zaman Uthmaniyyah. Misalnya, *Bilal bin Rabah: Pengumandang Seruan Langit, Umar Al-Khattab: Reformis Dunia Islam, Umar Abdul Aziz: Bayangan Khalifah al-Rasyidin, Salahudin: Penakluk Jerusalem dan Sultan Muhammad al-Fateh: Penakluk Konstantinopel*.

Namun dalam karya tertentu, adanya tokoh-tokoh sejarah misalnya tokoh manusia nyata bukan rekaan pengarang muncul dalam cerita, bahkan mungkin mempengaruhi plot (Burhan Nurgiyantoro, 1995: 169). Pendapat ini selari dengan kebanyakan novel yang dihasilkan oleh Abdul Latip Talib kerana tokoh manusia dalam novelnya adalah tokoh yang nyata. Secara umumnya, tokoh boleh didefinisikan sebagai seseorang yang terkemuka atau kenamaan di dalam bidangnya, iaitu seorang yang memegang peranan penting dalam sesuatu bidang atau aspek kehidupan tertentu dalam masyarakat. Dalam sastera tokoh adalah pelaku cerita, setiap tokoh memiliki watak dan perwatakan yang berbeza-beza. E. M. Foster berhujah menggunakan idea Aristotle bahawa watak memperlihatkan kepada kita sifat dalam bentuk lakukan iaitu apa yang kita lakukan sama ada kita bahagia atau sebaliknya (E. M. Foster, 1979: 70).

Oleh itu, kajian ini akan menganalisis proses kreatif Abdul Latip Talib dan kesannya terhadap novel kompilasi *Imam-imam yang Benar* dengan menggunakan teori proses kreatif. Dalam proses kreatif, pengarang sebagai makhluk Allah bertanggungjawab kepada insan yang menjadi bahan kreativitinya dan bertanggungjawab kepada insan yang akan menilai hasil ciptaannya. Oleh itu, proses kreatif bukan satu proses mencipta sesuatu yang baru, baru dalam erti kata dari tidak wujud kepada wujud tapi satu proses menyusun segala pengalaman yang serba kucar-kacir kepada satu susunan yang baru dalam teknik, agar terhasil satu gambaran kehidupan dalam bentuk yang tertentu (Shahnon Ahmad, 1989: 21).

## TINJAUAN KAJIAN LEPAS

Hasil penelitian tinjauan kajian lepas memperlihatkan kajian dan penulisan mengenai empat Imam Mazhab Ahli Sunah Waljamaah banyak dilakukan dalam bentuk penulisan biografi. Misalnya, buku *Biografi Imam Mazhab Empat* yang ditulis oleh Ahmad Asy-Syurbasi. Buku ini diterbitkan pada tahun 1978 oleh Pustaka Aman Press Sdn. Bhd. Ia adalah terjemahan daripada buku edisi Arab yang berjudul *Al-Aimmatul-Ar-Ba'ah* yang dikeluarkan oleh Darul-hilal Mesir dalam siri keluaran bulanan buku-buku pengetahuan umum. Oleh itu, pembaca mendapat maklumat tentang kedudukan imam-imam empat yang tidak asing lagi kepada umat Islam di seluruh dunia. Seterusnya, penulisan biografi empat Imam Mazhab yang berjudul *Biografi Empat Serangkai Imam Mazhab* ditulis oleh K. H. Moenawar Chalil. Maklumat penting yang ditulis dalam buku ini mengisahkan riwayat hidup keempat-empat Imam Mazhab. Masyarakat Indonesia terutama umat Islam dihidangkan dalam buku ini mengenai dasar-dasar “mazhab” dan aliran mazhab di seluruh dunia Islam dan bagaimana cara-cara mereka mengambil *istinbat* (kesimpulan) dari sumber al-Quran dan Hadis. Buku ini turut memperkayakan khazanah agama Islam dan membuktikan bahawa alim ulama Indonesia juga sanggup dan berupaya mengarang buku-buku agama yang bermutu tinggi sebagai hasil telaah dan selidik yang mendalam.

Tambahan lagi, buku mengenai empat Imam Mazhab ini dihasilkan oleh Muhammad Abdurrahman al-Khumais yang diterbitkan oleh Jahabera pada tahun 1998, berjudul *Aqidah Empat Imam Mazhab*. Perbahasan-perbahasan mengenai kesamaan akidah empat imam dalam masalah-masalah usuluddin selain dari masalah iman diperjelaskan dalam buku ini. Secara ringkasnya, buku ini menerangkan kesepakatan empat imam Abu Hanifah, Malik, Syafie dan Ahmad atas satu akidah yang sahih berdasarkan al-Quran dan as-Sunah dari sumber yang murni. Oleh itu, tujuan buku ini ditulis untuk menerangkan kepada orang ramai supaya memahami akidah para imam tersebut. Ketiga-tiga buku ini akan dijadikan sumber asas pengkaji untuk mengenali keempat-empat tokoh imam yang difiksyenkan dalam novel kompilasi *Imam-imam yang Benar* karya Abdul Latip Talib.

Kajian novel sejarah Islam pula dilakukan oleh Halimah Mohamed Ali dalam Seminar Antarabangsa Penyelidikan Mengenai Melayu (SAPEMN) Kali ke-2 pada 28-30 Mac 2018, di Akademi Pengajian Brunei & Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam. Esei beliau bertajuk ‘Novel Sultan Muhammad Al-Fateh Penakluk Konstantinopel’ oleh Abdul Latip Talib: Suatu Penilaian Semula Sejarah Islam Melalui Genre Fiksyen’. Sementara itu, eseи ini membincangkan sejarah dengan menggunakan teori fiksyen sejarah dan historiotisme untuk melihat bagaimana sejarah ditulis semula dan dinilai semula melalui fiksyen. *Novel Sultan Muhammad Al-Fateh Penakluk Konstantinopel* (2010) merupakan sebuah novel yang berkisar sekitar penaklukan semula kota Konstantinopel selepas Perang Salib oleh orang Islam. Oleh yang demikian, novel sejarah ini mengajar kita memahami dan merasai kegemilangan Islam dan pengorbanan yang dilakukan oleh pemerintah-pemerintah Islam dalam menegakkan syiar Islam. Esei ini juga telah mengetengahkan isu sejarah Islam dengan melihat kembali kepada sejarah Sultan Muhammad Al-Fateh secara ringkas, teori historiotisme dan sejarah Perang Salib yang pertama.

Selain itu, aspek sejarah Islam ini dikaji oleh Halimah Mohamed Ali dalam satu seminar *International on Islamic Civilization and Thoughts (INSIST)* yang bertemakan “Toward Civilization Sustainability and Universal Peace” di Universiti Sains Malaysia pada 20 November 2017. Kertas kerja beliau berjudul “Nabi Khidir Menyelamatkan Raja Iskandar: Penyatuan Mitos dan Sejarah Islam dalam Sebuah Hikayat.” Raja Iskandar Zulkarnain (Alexander the Great) disebut kisahnya dalam al-Quran dan kisah Nabi Khidir juga disebut dalam al-Quran. Mereka adalah dua tokoh penting yang terdapat dalam

sejarah Melayu dan dalam kitab suci al-Quran. Kedua-dua tokoh besar ini boleh ditemui dalam sebuah hikayat yang berjudul *Hikayat Iskandar Zulkarnain* dan dibincangkan dari perspektif sejarah Islam. Oleh itu, sejauh mana perwatakan mereka digambarkan sebagai mitos dalam hikayat Iskandar Zulkarnain dan setakat mana mereka adalah legenda. Akhirnya, kajian ini meneliti bagaimana sebuah hikayat menceritakan kedua-dua tokoh ini dalam aspek sejarah Islam.

Sepanjang meneliti tinjauan kajian lepas yang dilakukan, pengkaji mendapati belum ada kajian yang dilakukan terhadap novel kompilasi *Imam-imam yang Benar* (2011). Berdasarkan penelitian mengenai kajian dan penulisan empat Imam Mazhab ini banyak dilakukan dalam bentuk penulisan biografi. Namun demikian, kisah empat Imam Mazhab ini belum ada yang ditulis dalam bentuk penulisan novel selain Abdul Latip Talib. Kajian lepas mengenai aspek novel sejarah memperlihatkan novel sejarah Islam karya Abdul Latip Talib menceritakan riwayat hidup tokoh-tokoh sejarah Islam ini hanya dilakukan oleh Halimah Mohamed Ali ke atas novel *Sultan Muhammad Al-Fateh: Penakluk Konstantinopel*. Selebihnya, kajian sejarah Islam yang ditinjau dilakukan terhadap karya yang bukan ditulis oleh Abdul Latip Talib. Namun begitu, kajian proses kreatif terhadap novel sejarah Islam belum ada yang dilakukan oleh para pengkaji. Kesimpulannya, sepanjang meninjau kajian lepas didapati belum ada pengkaji yang mengkaji novel kompilasi *Imam-imam Yang Benar* karya Abdul Latip Talib dari sudut proses kreatif. Oleh itu, kajian ini akan menjadi pemula dengan penumpuan terhadap aspek kepengarangannya.

## KERANGKA TEORI

Tumpuan kepada proses mencipta atau proses kreatif sebenarnya bukan merupakan perkembangan yang baru. Plato dan Aristotle mempunyai pendapat mereka tentang proses mencipta ini. Dalam permulaan abad ke-19 tumpuan terhadap proses mencipta ini timbul. Misalnya, Blake, Wordsworth, Coleridge, Shelley dan Keats antara tokoh yang memberi pendapat mengenai proses kreatif (Brewster Ghiselin, 1983: 1). Sastera proses kreatif merupakan satu proses yang penting kepada seseorang pengarang dalam menghasilkan sesuatu yang disebut sebagai karya kreatif. Pada asasnya, karya kreatif ini telah diilhamkan dan apa yang dirasai oleh pengarang. Oleh itu, proses mencipta atau proses kreatif adalah proses perubahan, proses pertumbuhan, proses evolusi dalam organisasi dari kehidupan yang subjektif (Brewster Ghiselin, 1983: 3).

Kajian ini akan menggunakan model proses kreatif yang dikemukakan oleh Graham Wallas dalam bukunya yang berjudul *The Art of Thought* pada tahun 1926. Buku ini mengandungi lapan bahagian dan satu daripadanya adalah “Stages of Control” atau peringkat-peringkat kawalan. Model Wallas ini disebut juga sebagai peringkat-peringkat dalam proses kreatif di dalam buku *The Creativity Question* pada tahun 1976. Dalam model tersebut beliau menyatakan empat peringkat proses kreatif iaitu persediaan, inkubasi, iluminasi, dan verifikasi. Pertama, persediaan merupakan peringkat mengumpul maklumat secara sedar untuk memecahkan sesuatu masalah. Peringkat ini merupakan peringkat awal bagi mengenal pasti masalah dari semua arah. Hal ini dapat diteliti melalui pernyataan Wallas bahawa, “*Preparation, the stage during which the problem was “investigated ... in all directions”*” (Graham Wallas, 1926: 52). Kedua, peringkat inkubasi iaitu individu sering melakukan aktiviti yang tidak berkaitan tentang sesuatu masalah. Dengan kata lain, minda berehat dalam apa juar bentuk pemikiran bawah sedar buat sementara waktu untuk menunggu ilham. Hal ini apa yang disebut oleh Wallas iaitu “*the second is the stage during which he was consciously thinking about the problem*” (Graham Wallas, 1926: 52). Peringkat ini juga disebut sebagai pengaraman di mana bahan yang dikumpul disimpan terlebih dahulu.

Seterusnya, peringkat iluminasi iaitu individu itu mesti memasukkan dirinya dalam “*fringe-conscious*” diikuti peristiwa-peristiwa psikologi yang mendahului dan meneman “cahaya” iluminasi, dan ini disebut sebagai intimasi. Wallas berkata, “*the third, consisting of the appearance of the happy idea together with the psychological events which immediately preceded and accompanied that appearance*” (Graham Wallas, 1926: 52). Pada peringkat ini seseorang individu itu sudah memahami apa yang ingin dilakukan dan dapat menerangkan kepada orang lain. Peringkat akhir iaitu verifikasi, individu berada dalam keadaan sedar perlu mengikuti peraturan-peraturan seperti yang digunakan di peringkat persediaan dan idea yang digagaskan akan diuji dalam realiti kehidupan. Hal ini apa yang dikatakan oleh Wallas, “*the Verification of the final result can generally be distinguished from each*

other (Graham Wallas, 1926: 54). Dengan kata lain, peringkat ini memerlukan seseorang itu berfikir secara kritis untuk menilai idea yang telah dikumpulkan.

Berdasarkan keempat-empat peringkat ini, jelaslah bahawa proses kreatif berlaku dalam diri seseorang sama ada secara sedar ataupun tidak sedar. Setiap peringkat ini berkait rapat antara satu sama lain kerana maklumat yang dikumpul di peringkat persediaan akan di bawa ke peringkat inkubasi. Pada peringkat inkubasi ini maklumat itu disimpan dalam minda seseorang buat sementara waktu. Kemudian, peringkat iluminasi ini menunjukkan kemunculan ilham atau idea dalam minda seseorang datang. Idea itu dibawa ke peringkat yang terakhir iaitu verifikasi untuk mengesahkan kesesuaian ideanya. Model Wallas ini mempunyai beberapa perkaitan dengan idea Shahnon Ahmad dalam bukunya *Gubah Novel* (1989) yang menyatakan sepuluh aspek penting dalam proses penciptaan sebuah novel antaranya rencaman novel, gaya bahasa cereka, umbi dan niat, idea, ujian kepada idea, latar, cerita, plot, watak dan sudut pandangan. Secara umumnya novel dapat menarik minat khalayak untuk menilai masyarakat baik secara langsung atau tidak langsung. Ia adalah satu rangkuman tiga faktor utama yang timbal-menimbal antara satu dengan yang lain iaitu pengalaman peribadi, realiti rencaman hidup dan imaginasi (Shahnon Ahmad, 1989: 4). Salah satu aspek novel yang dinyatakan oleh Shahnon adalah gaya bahasa cereka yang terbuah dari ketajaman sensitiviti seseorang menerima bibit kejadian persekitaran dalam hidupnya.

Semua karya kreatif sastera bermula dari satu titik yang disebut sebagai idea dan idea ini mungkin meliputi aspek kejiwaan manusia, aspek sosial atau yang lebih khusus tentang hubungan keluarga, pertentangan-pertentangan nilai dalam masyarakat, politik, sejarah dan falsafah (Shahnon Ahmad, 1989: 28). Di sebalik idea itu ada ujiannya, kerana ia perlu diuji terlebih dahulu untuk menentukan sama ada sesuai atau tidak sesuai untuk dijadikan landasan sebagai sebuah novel. Seterusnya, Shahnon Ahmad menyebut bahawa dalam proses penciptaan karya sastera latar amatlah penting kerana ia bukan sekadar menyebut tempat sahaja tetapi perlu dieksplot seluas mungkin supaya kesan-kesan latar itu terasa tidak kira sama ada kesan itu bertentangan atau akur dengan perwatakan atau persoalan (Shahnon Ahmad, 1989: 44).

Tambahan lagi, novel menggunakan cerita untuk menggambarkan manusia dalam segala kompleksitinya dan cerita itu perlu berplot. Hal ini kerana plot termasuk rangkaian peristiwa yang bersebab akibat secara langsung atau tidak langsung terjadi kerana peristiwa lain juga salah satu rantaian peristiwa yang ada (Shahnon Ahmad, 1989: 59). Dalam fiksyen ada manusia yang memainkan peranan dan manusia itu dipanggil sebagai watak dan akhir sekali pengarang perlu menentukan aspek terbaik untuk memilih sudut pandangan bagi meneruskan ceritanya di dalam novel. Kajian ini akan meneliti peringkat-peringkat proses kreatif Abdul Latip Talib dalam menulis novel kompilasi *Imam-imam yang Benar* berdasarkan model Wallas dan model ini akan dikaitkan dengan beberapa pandangan tokoh lain antaranya Shahnon Ahmad dan Md Salleh Yaapar. Hal ini dikatakan demikian kerana pandangan mereka boleh menyokong elemen proses kreatif yang terdapat dalam model Wallas justeru kajian ini memilih model Wallas kerana model ini mampu melihat proses kreatif pengarang dengan lebih sistematis.

## PERBINCANGAN

Berdasarkan data temu bual dan kaedah kepustakaan yang dilakukan, Abdul Latip Talib melakukan beberapa gerak kerja bagi menghasilkan novel kompilasi *Imam-imam yang Benar*. Gerak kerja ini dapat diteliti mengikut peringkat-peringkat proses kreatif atau “Stages of Control” yang terdapat dalam model Wallas iaitu persediaan, inkubasi, iluminasi dan verifikasi. Antara gerak kerja proses kreatif Abdul Latip Talib adalah dengan membaca karya-karya penulis lain, penyucian diri, merangka idea, proses menulis dan membuat pembacaan semula seperti menyemak serta menambah nilai-nilai estetik bagi menghasilkan sebuah karya yang baik. Setiap gerak kerja atau tindakan ini memberi kesan terhadap sebuah karya. Maka, kajian ini akan menganalisis proses kreatif Abdul Latip Talib melalui empat tahap proses kreatif yang dikemukakan oleh Wallas dan kesannya terhadap penceritaan ke atas karya novel kompilasi *Imam-imam yang Benar*.

### Peringkat Persediaan (*Preparation*)

Di peringkat persediaan, seseorang itu cuba mengesan masalah dari pelbagai sudut. Hal ini apa yang dikatakan oleh Wallas, “*preparation the stage during which the problem was investigated ... in all directions*” (Graham Wallas, 1926: 52). Secara umumnya, masalah yang dikesan dari pelbagai sudut itu bermula dari sensitiviti seseorang individu apabila dirinya didorong bagi menyempurnakan hasrat untuk mencapai matlamat dalam kehidupan realiti. Dengan kata lain, peringkat ini merupakan proses persiapan seseorang individu untuk mencari dan mengumpul maklumat, bahan atau data yang diperlukan bagi menyelesaikan sesuatu masalah. Antara gerak kerja Abdul Latip Talib pada peringkat persediaan ini adalah dengan membaca karya-karya penulis lain. Gerak kerja ini penting untuk Abdul Latip Talib merealisasikan matlamatnya yang diterokai terhadap permasalahan tersebut. Sebelum membaca karya-karya penulis lain di peringkat persediaan ini, Abdul Latip Talib meminta nasihat daripada individu yang lebih arif dalam bidang keagamaan khususnya golongan ulama. Hal ini demikian kerana, novel kompilasi *Imam-imam yang Benar* ini bersandarkan kepada tokoh Islam. Oleh itu, Abdul Latip Talib telah pergi bertemu dengan seorang tokoh agama bagi mendapat saranan dan nasihat, apakah boleh kisah empat Imam Mazhab ini dinovelkan? Misalnya, beliau telah pergi berjumpa dengan Mufti Negeri Sembilan iaitu Dato' Haji Mohd. Yusof bin Haji Ahmad.

Setelah timbul keyakinan di dalam dirinya untuk menulis novel sejarah Islam, Abdul Latip Talib membaca karya-karya penulis lain bagi mencari sumber dan data awal yang diperlukan untuk menulis novel. Hal ini apa yang disebut oleh Wallas dalam modelnya bahawa masalah yang dikesan dari pelbagai sudut di peringkat persediaan adalah keperluan dan isu yang perlu diselesaikan. Ini kerana sumber atau idea merupakan satu keperluan kepada pengarang bagi memecah kebuntuan dalam mencetuskan idea awalnya untuk menghasilkan karya. Menurut Shahnon Ahmad dalam *Gubahan Novel* mengatakan salah satu sumber idea yang penting boleh diperkembangkan menjadi sebuah novel besar ialah sejarah. Sejarah bukan sekadar catatan peristiwa yang telah berlalu, tetapi banyak mendedahkan pengertian-pengertian tentang aspek-aspek kemanusiaan (Shahnon Ahmad, 1989: 30).

Melalui temu bual dengan Abdul Latip Talib (2019) didapati bahawa beliau telah membaca beberapa karya penulis lain yang berkaitan dengan empat Imam Mazhab Ahli Sunah Wal Jamaah. Fakta ini juga boleh didapati melalui bibliografi yang terdapat dalam novelnya. Teks-teks yang dinyatakan di dalam bibliografi novel *Imam-imam Yang Benar* ialah *Biografi Imam Mazhab Empat* oleh Ahmad Asy-Syurbasi, *Tokoh Ulama Pemberani* oleh Abu Hikmah al-Husni, *28 Tokoh Islam yang Terkemuka* oleh Mohd Said Abdul Hadi, *Sejarah Pahlawan-pahlawan Islam* oleh Muhamad Syadid, *Tafsir Quran Karim* oleh De H. Mahmud Yunus, *Imam Abu Hanifah* oleh Mustafa Suhaimi, *Imam Ahmad bin Hanbal* oleh Mustafa Suhaimi, *Imam Abu Hanifah dan Imam Malik* oleh Mustafa Suhaimi, *Imam Syafie* oleh Mustafa Suhaimi, *Itikad Ahlussunah Wal Jamaah* oleh K. H Sirajuddin Abbas, *Tazkirah Asy Syafie* oleh Azahari Othman, *Kisah Pengembalaan Imam Syafie* oleh Muhamad Zaini Yahya, *30 Wasiat Imam Syafie* oleh Kharul Ghazali, *Imam Malik* oleh Takiruddin Hasan dan *Sejarah Keagungan Kerajaan Islam* oleh Mohd Mokhtar Shafie.

Jelaslah bahawa matlamat awal Abdul Latip Talib menulis novel kompilasi *Imam-imam yang Benar* bertujuan untuk menerangkan kisah hidup tokoh empat Imam Mazhab ini kepada pembaca. Dengan itu, terdapat suatu kelainan pada fiksyen Abdul Latip Talib. Selalunya genre novel tidak mempunyai bibliografi kerana ia merupakan karya fiksyen. Namun novel Abdul Latip Talib mempunyai bibliografi kerana beliau menulis mengenai watak-watak sejarah Islam yang merupakan watak penting dan sensitif kepada umat Islam. Bibliografi ini penting untuk menunjukkan ketepatan data dan maklumat yang dikumpul serta digunakan oleh penulis untuk menulis mengenai tokoh sejarah Islam yang penting untuk dunia Islam dan umat Islam. Oleh itu, senarai buku di atas menunjukkan bahawa Abdul Latip Talib telah membaca sebanyak 15 buah buku penulis lain untuk dijadikan sumber dan rujukan dalam menghasilkan kisah empat Imam Mazhab ini pada peringkat persediaan.

### Kesan Penceritaan melalui Pembacaan Karya Penulis Lain

Maklumat yang dikumpul oleh Abdul Latip Talib berdasarkan sumber pembacaan karya lain di peringkat persediaan telah tercermin di dalam karyanya secara jelas apabila kisah hidup empat Imam Mazhab ini menjadi aspek utama dalam novel kompilasi *Imam-imam yang Benar*. Namun demikian,

beliau tidak mengambil semua peristiwa yang berlaku dalam kehidupan empat Imam Mazhab ini tetapi dipilih mengikut kesesuaian untuk dijadikan landasan sebagai sebuah novel. Misalnya, salah satu bahan bacaan atau rujukan Abdul Latip Talib ialah buku *Biografi Imam Mazhab Empat* oleh Ahmad Asy-Syurbasi. Dalam buku ini mengisahkan kisah hidup empat tokoh Imam Mazhab yang dibahagikan kepada empat bahagian iaitu bahagian Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Syafie dan Imam Hanbali.

Secara tidak langsung bahagian-bahagian yang terdapat dalam buku *Biografi Imam Mazhab Empat* ini telah memberi kesan terhadap penceritaan dalam novel kompilasi *Imam-imam yang Benar*. Antara kesan yang diceritakan ialah kisah hidup tokoh seperti peristiwa kelahiran yang dipaparkan dalam karyanya. Hal ini kerana peristiwa kelahiran merupakan aspek penting dalam sesebuah riwayat hidup bagi melihat bilakah tokoh tersebut dilahirkan. Dalam buku *Biografi Imam Mazhab Empat* terdapat kisah kelahirannya diceritakan seperti dalam petikan dibawah:

Abu Hanifah dilahirkan pada tahun 80 Hijrah bersamaan (660 Masehi). Setengah pendapat ahli sejarah mengatakan bahawa beliau diperanakkan atau dilahirkan pada 61 Hijrah; pendapat ini sangat tidak kuat, tetapi yang sebenarnya ialah pada tahun 80 Hijrah sebagaimana pendapat yang pertama.

(Ahmad Asy-Syurbasi, 1978: 26)

Secara langsung, peristiwa kelahiran ini turut didapati dalam novel kompilasi *Imam-imam yang Benar* dalam bab dua iaitu “Lahirnya Seorang Ulama”. Tarikh lahirnya sama seperti di dalam buku *Biografi Imam Mazhab Empat* iaitu pada 80 Hijrah bersamaan 699 Masihi (Abdul Latip Talib, 2011: 11). Hal ini kerana, Abdul Latip Talib yakin bahawa Imam Abu Hanifah lahir pada tarikh tersebut seperti mana yang terdapat dalam buku *Biografi Imam Mazhab Empat*. Kisahnya bermula apabila menjelang pagi Tsabit Nukman al-Marzuban dikejutkan dengan isterinya Aisyah yang hendak melahirkan anak. Pada waktu subuh Aisyah selamat melahirkan seorang bayi lelaki dan hal ini dapat dibuktikan dalam petikan di bawah:

Sebelum masuk waktu sembahyang subuh Aisyah selamat melahirkan seorang bayi yang sihat dan comel. “Kekanda namakan anak ini Nukman seperti nama datuknya,” kata Tsabit Nukman al-Marzuban.

(Abdul Latip Talib, 2011: 14)

Jelaslah bahawa kesan terhadap penceritaan dalam novel kompilasi *Imam-imam yang Benar* melalui pembacaan karya-karya penulis lain di peringkat persediaan telah mempengaruhi Abdul Latip Talib untuk memasukkan peristiwa-peristiwa atau fakta-fakta tertentu yang diyakini sahih. Peristiwa itu adalah kisah hidup tokoh empat Imam Mazhab seperti peristiwa kelahiran melalui petikan di atas dan juga peristiwa imam-imam mazhab yang lain. Dengan kata lain, peristiwa ini juga disebut sebagai biografi kerana ia merupakan kisah hidup tentang seseorang individu tetapi ditulis oleh orang lain. Oleh sebab itu, Abdul Latip Talib banyak merujuk dan membaca karya penulis lain yang berbentuk biografi yakni riwayat hidup tokoh supaya ketepatan fakta mengenai tokoh yang ditulis di dalam novelnya tidak terpesong.

### **Peringkat Inkubasi (*Incubation*)**

Peringkat seterusnya yang dilalui oleh pengarang ialah peringkat inkubasi. Menurut Wallas, pada peringkat ini idea dan maklumat yang diperolehi akan disimpan dalam tempoh masa tertentu. Idea tersebut membuatkan seorang pengarang akan banyak berimajinasi dalam fikiran sehingga mereka berada dalam pemikiran bawah sedar. Menurut Abdul Latip Talib (2019), sumber dan maklumat yang dikumpul olehnya sudah mencukupi dan ini membuatkan beliau tidak menyimpan atau memeram idea di dalam minda terlalu lama. Sebaliknya, beliau melupakan segala masalah yang diterokai di peringkat persediaan dengan melakukan penyucian diri. Maka, penyucian diri yang dilakukan oleh Abdul Latip Talib telah membuatkan beliau memeram idea dalam tempoh masa yang tertentu.

Penyucian diri merupakan proses perjuangan kerohanian dan pembersihan jiwa. Proses ini boleh dilakukan dengan pelbagai cara oleh seseorang pengarang sebelum mula menghasilkan karya. Contohnya, menyedari kesalahan diri, bertaubat, melakukan ibadah dan berdoa agar tidak melakukan dosa. Hal ini diperkuatkan lagi dengan pernyataan Md. Salleh Yaapar bahawa pengarang Islam perlu mengalami proses perjuangan kerohanian (*mujahadah*) dan pembersihan jiwa (*tazkiyah al-nafs*) serta menyempurnakan ibadah sehari-hari sebagai seorang *ihsan* (Md. Salleh Yaapar, 1992: 84). Oleh itu, proses ini amatlah penting kepada pengarang Islam kerana ia mempunyai perkaitan dengan niat dan matlamat seseorang untuk menghasilkan sebuah karya. Lebih-lebih lagi karya yang dihasilkan itu pula berkait rapat dengan aspek keislaman.

Menurut Abdul Latip Talib (2019), antara proses penyucian diri yang dilakukan olehnya di peringkat inkubasi ini adalah dengan mengasingkan diri di dalam bilik, memohon doa dan melakukan ibadah kepada Allah. Semua gerak kerja yang dilakukan ini bertujuan supaya beliau sentiasa istiqamah, mendapat motivasi diri dan seterusnya berikhtiar dalam melakukan segala perkara kebaikan dan menahan diri dari melakukan segala perbuatan mungkar. Kesemua proses penyucian diri ini mengambil masa selama beberapa hari dan tempoh masa inilah maklumat yang terkumpul pada peringkat persediaan disimpan buat sementara waktu. Dalam proses penyucian diri, seseorang itu cuba mencapai tahap *ihsan* seperti mana ahli-ahli sufi namun demikian ia bukanlah mudah tetapi usaha murni Abdul Latip Talib untuk menyucikan diri adalah satu kebaikan yang ada dalam dirinya sebelum mula untuk menghasilkan karya. Hal ini demikian kerana, *ihsan* merupakan tingkat tertinggi dalam Islam dan tidak semua manusia boleh meraihnya dengan darjah yang mulia ini. Seperti kata Shahnon bahawa seorang seniman yang sempurna ialah seorang yang cuba menjadi seorang manusia yang sempurna. Kesempurnaan seunggulnya mungkin tidak tercapai dalam hidup ini, tapi harus menjadi cita-cita setiap insan, terutama mereka yang ingin menjadi seniman-seniman ulung (Shahnon Ahmad, 1989: 25).

Malahan, Abdul Latip Talib menyatakan bahawa proses penyucian diri penting kerana kisah yang diceritakan ini berkait rapat dengan Islam. Malah setiap gerak kerja yang berserta dengan penyucian diri akan dapat menghasilkan sesuatu yang diyakini benar dan akhirnya mendapat keredhaan Allah. Sebagai contoh, Abdul Latip Talib telah melakukan penyucian diri di dalam sebuah bilik khas. Bilik ini beliau jadikan sebagai tempat untuk menulis dan melakukan segala amal ibadah. Hal ini disebabkan oleh Abdul Latip Talib tidak mahu diganggu kerana pada tahap ini beliau cuba mendekatkan diri dengan Allah. Menurut Abdul Latip Talib (2019), sewaktu beliau melakukan amal ibadah, berlaku satu perkara yang tidak biasa atau tidak lazim dilihat dalam dirinya. Tamsilnya, beliau teringat akan kisah pemindahan kubur Imam Syafie yang hendak digali semula. Peristiwa ini menceritakan kubur Imam Syafie yang berada di Mesir tetapi mayatnya hendak dipindahkan ke Baghdad. Hal ini berlaku disebabkan oleh perintah Khalifah yang mahu mayat Imam Syafie dibawa ke Baghdad. Namun demikian, sewaktu menggali kubur tersebut, keluar satu bau harum yang sangat kuat dan akhirnya Khalifah Baghdad membantalkan niat untuk memindahkan mayat Imam Syafie. Kesannya, peristiwa ini berlaku di dalam diri Abdul Latip Talib sewaktu beliau melakukan ibadah sebelum mula menghasilkan kisah empat Imam Mazhab Ahli Sunah Wal Jamaah. Perkara luar biasa ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa beliau telah mendapat petunjuk Allah dan cetusan idea untuk menulis kisah empat Imam Mazhab ini.

## Kesan Penceritaan melalui Proses Penyucian Diri

Kesan penyucian diri yang dilakukan oleh Abdul Latip Talib di peringkat inkubasi ini secara tidak langsung menonjolkan aspek dakwah di dalam novelnya. Hal ini kerana penulisan yang berunsur dakwah mampu memberi kesan yang mendalam kepada pembaca. Dalam konteks dakwah, pemaparan kisah riwayat hidup dalam al-Quran merupakan metod yang boleh dicontohi oleh pengarang kontemporari bagi tujuan mengajak manusia muslim dan bukan muslim kepada jalan kebenaran (Abu Hassan Abdul, Ghazali Din, Wahibah Twahir, & Mohd. Sidik Ariffin, 2016: 10). Misalnya, Abdul Latip Talib memasukkan beberapa potongan ayat al-Quran dan ini menimbulkan lagi kesan dakwah yang dibawa oleh watak empat Imam Mazhab tersebut seperti kisah Imam Abu Hanifah berdakwah dalam bab tujuh iaitu “Debat Perdana”. Bab ini mengisahkan Imam Abu Hanifah berdebat dengan seorang lelaki yang diantar oleh Maharaja Rom iaitu Dahri. Menurut Khalifah Yazid, seluruh ulama di Baghdad, dikalahkan oleh Dahri dengan pertanyaan-pertanyaan yang sukar dijawab antaranya benarkah Allah itu wujud? Pada tahun berapa Tuhan dilahirkan? Dengan itu, khalifah menetapkan satu majlis

debat di Masjid Baghdad supaya orang ramai dapat mengikutinya. Pada hari yang ditetapkan berlangsunglah satu perdebatan di antara Imam Abu Hanifah dengan Dahri. Akhirnya, Imam Abu Hanifah berjaya menyelamatkan maruah umat Islam daripada Dahri yang sesat itu. Dahri juga terpaksa mengaku kalah lalu pulang dalam keadaan kehinaan. Peristiwa debat ini merupakan aspek dakwah yang ditonjolkan dalam penceritaan dan di sini Abdul Latip Talib memasukkan potongan ayat al-Quran seperti petikan di bawah:

“Ketahuilah Dahri. Allah tidak mengurniakan kemuliaan dan kebesaran itu pada serban yang besar ataupun jubah yang labuh. Allah mengurniakan kemuliaan kepada orang yang berilmu dan bertakwa,” kata Abu Hanifah lalu membacakan ayat 11 surah *al-Mujahadah* yang bermaksud, “Allah meninggikan darjat orang beriman dan berilmu di antara kamu dengan beberapa darjat.”

(Abdul Latip Talib, 2011: 64)

Petikan ayat al-Quran ini secara tidak langsung memaparkan elemen dakwah yang memberi kesan terhadap penceritaan di dalam novel kompilasi *Imam-imam yang Benar*. Hal ini kerana proses *mujahadah* dan *tazkiyah al-nafs* telah membuktikan niat Abdul Latip Talib menulis novel untuk menceritakan ketokohan dan kebaikan empat Imam Mazhab ini kepada pembaca. Malah ayat al-Quran di atas memberi peringatan kepada manusia bahawa orang yang beriman dan berilmu lebih tinggi darjatnya berbanding dengan orang yang tidak beriman dan tidak berilmu. Di samping itu, potongan ayat al-Quran ini juga turut didapati dalam bahagian Imam Malik bab lapan “Khalifah dengan Sihir” yang mengisahkan pertanyaan Yusuf tentang ahli sihir. Yusuf bertanya kepada Imam Malik bukankah memakai tangkal itu dilarang oleh agama Islam? Hal ini dijelaskan oleh penulis Abdul Latip Talib melalui watak Imam Malik yang menjawab pertanyaan Yusuf seperti petikan di bawah:

Bagi menjawab pertanyaan itu Imam Malik pun membaca ayat Quran surah *al-Baqarah* ayat 102 yang bermaksud, “Mereka mengikuti apa yang dibacakan syaitan pada masa kerajaan Sulaiman dan Sulaiman itu bukan tukang sihir tetapi syaitanlah yang kafir. Mereka ajarkan ilmu sihir kepada manusia dan apa-apa yang diturunkan kepada dua malaikat Harut dan Marut di negeri Babil.”

(Abdul Latip Talib, 2011: 224)

Menurut Imam Malik, dua malaikat itu diturunkan bagi menentang tukang-tukang sihir dan membuktikan bahawa ilmu sihir itu salah. Hal ini kerana, sihir merupakan satu perbuatan yang melibatkan makhluk halus dengan menyakiti badan atau hati seseorang manusia. Secara tidak langsung, novel kompilasi *Imam-imam yang Benar* telah memberi sedikit ilmu dakwah kepada pembaca mengenai kesalahan menggunakan ilmu sihir di sisi Islam. Malah potongan-potongan ayat al-Quran ini turut didapati dalam kisah Imam Abu Hanifah bab sebelas “Mengerjakan Haji”, kisah Imam Malik bab lapan belas “Tetamu Tengah Malam”, kisah Imam Syafie bab lima belas “Fitnah di Najran” dan kisah Imam Hanbali bab tujuh “Pejuang Kebenaran”. Jelaslah bahawa aspek dakwah ini diperlihatkan melalui keempat-empat kisah Imam Mazhab Ahli Sunah Wal Jamaah, bagaimana mereka menghadapi ujian dan berdakwah kepada masyarakat dalam novel kompilasi *Imam-imam yang Benar*. Hakikatnya, dakwah yang ditonjolkan ini merupakan unsur kreatif dan kelainan yang dibawa oleh Abdul Latip Talib apabila memasukkan beberapa potongan ayat al-Quran dalam karya kreatif bagi memberi peringatan kepada pembaca supaya melakukan kebaikan dan meninggalkan keburukan. Maka, inilah kesan terhadap penceritaan dalam novel kompilasi *Imam-imam yang Benar* melalui proses penyucian diri yang dilakukan oleh Abdul Latip Talib pada peringkat inkubasi.

### Peringkat Iluminasi (*Illumination*)

Peringkat iluminasi adalah peringkat penyelesaian, keadaan ini membolehkan pengarang mula merangka idea apabila munculnya “flash”. Dengan kata lain, “flash” ini merujuk kepada lintasan fikiran yang datang secara tiba-tiba dalam pemikiran pengarang. Pada peringkat ini, pengarang lazimnya

mendapat ilham dari sumber-sumber yang tidak terjangka (Abdul Halim Ali, 2019: 170). Oleh itu, segala idea serta maklumat yang telah terkumpul dan tersimpan di peringkat persediaan dan inkubasi akan menimbulkan keyakinan kepada pengarang untuk mula merangka idea di dalam fikiran. Misalnya, idea dan teknik yang sebelum ini kabur dalam pemikiran pengarang akan menjadi lebih terang dan jelas. Dalam pada itu, gerak kerja Abdul Latip Talib di peringkat iluminasi ini bermula secara terancang apabila beliau sudah menyusun idea-idea seperti plot cerita yang terlintas di dalam fikirannya. Dengan kata lain, beliau tidak menulis draf di atas kertas tetapi susunan plot atau cerita kisah empat Imam Mazhab telah menjadi acuan dalam teknik penghasilan karyanya. Sebagai contoh, beliau sudah mengetahui bab pertama apa yang hendak dirangkakan, bab kedua juga begitu sehingga yang berikutnya. Justifikasinya, pada peringkat iluminasi ini menunjukkan bahawa Abdul Latip Talib tidak banyak melakukan gerak kerja. Hal ini kerana beliau hanya membuat rangkaan atau menyusun plot cerita mengikut kisah kehidupan empat Imam Mazhab sebelum mula menulis pada peringkat verifikasi. Gerak kerja yang dilakukan oleh Abdul Latip Talib ini telah memberi kesan terhadap penceritaan dalam novel kompilasi *Imam-imam yang Benar*.

### **Kesan Penceritaan melalui Proses Merangka Idea dalam Fikiran**

Kesan terhadap penceritaan dalam novel kompilasi *Imam-imam yang Benar* melalui proses merangka idea dalam fikiran menunjukkan bahawa Abdul Latip Talib cenderung merangka kisah empat Imam Mazhab ini mengikut plot kronologi apabila plot tersebut sudah tersusun dalam fikirannya. Plot jenis ini dikenali sebagai plot konvensional yang memulakan cerita dengan mengikut urutan plot a, b, c dan d di samping adanya plot-plot kecil sebagai peristiwa sampingan. Plot konvensional biasanya digunakan oleh penulis yang mahu menyerlah isi kandungan atau cerita dalam karya dan ini bergantung kepada teknik pembinaan plot yang konvensional seperti teknik sebab dan akibat, peristiwa secara kebetulan dan ada juga yang menjadikan unsur takdir atau nasib sebagai penyelesaian (Fatimah Busu, 2003: 186).

Misalnya, kisah Imam Abu Hanifah yang disusun mengikut kronologi. Kisah Imam Abu Hanifah dimulakan dengan peristiwa pertumpahan darah berlaku sesama umat Islam di Kufah. Selepas peristiwa itu berlaku, Imam Abu Hanifah dilahirkan dan menjadi anak yang soleh. Kemudian, kisah ini diselitkan dengan peristiwa seorang gabenor yang memusuhi ulama iaitu al-Hajjaj bin Yusof. Apabila Imam Abu Hanifah semakin membesar beliau pergi berguru dengan Abdullah bin Abbas, Abdulah bin Mas'ud dan beberapa orang guru yang lain. Dengan ilmu yang dimiliki, Imam Abu Hanifah menjadi semakin matang apabila beliau berdebat dengan orang suruhan Maharaja Rom iaitu Dahr. Dalam pada itu, Imam Abu Hanifah mendidik murid-muridnya dengan ilmu Quran, hadis, fiqh dan lain-lain. Pada zaman kemuncak, Imam Abu Hanifah menjadi mufti Kufah dan apabila tiba musim haji beliau pergi menunaikannya. Hal ini membuatkan beliau semakin terkenal sehingga muncul segala ujian seperti dimasukkan ke dalam penjara dengan diuji apabila beliau telah diracun oleh Khalifah Abu Jaafar al-Mansur. Akhirnya kisah Imam Abu Hanifah ditamatkan dengan beliau meninggal dunia di dalam penjara. Plot kronologi ini juga turut sama terdapat dalam kisah-kisah Imam Malik, Imam Syafie dan Imam Hanbali. Jelaslah bahawa ringkasan cerita ini membuktikan corak dan bentuk penceritaan novel kompilasi *Imam-imam yang Benar* disusun mengikut kronologi. Kronologi tersebut bermula dengan kisah kelahiran tokoh, kisah di waktu kanak-kanak, kisah di waktu dewasa, menempuh ujian, bertemu jodoh dan akhirnya meninggal dunia. Oleh itu, inilah bentuk plot penceritaan Abdul Latip Talib yang telah menjadi acuan dalam penghasilan karyanya. Malahan beliau juga menyelitkan plot-plot kecil yang berlaku terhadap watak empat Imam Mazhab tersebut bagi mempelbagaikan suasana dan konflik di setiap bab. Justifikasinya, inilah kesan terhadap penceritaan dalam novel kompilasi *Imam-imam yang Benar* melalui kaedah merangka idea yang dilakukan di peringkat iluminasi.

### **Peringkat Verifikasi (*Verification*)**

Peringkat verifikasi merupakan peringkat akhir dalam proses kreatif untuk menghasilkan karya. Pada peringkat ini, segala idea dan maklumat akan disemak. Dengan kata lain, pengarang akan mula menulis karyanya kemudian akan mengesahkan sesuatu maklumat yang telah dilakukan pada peringkat-peringkat sebelumnya. Pada tahap ini minda pengarang berada dalam keadaan sedar dalam melakukan segala gerak kerja seperti penulisan, penyemakan, pembetulan dan penambahbaikan terhadap karya yang dihasilkan. Oleh itu, dalam kes penghasilan novel kompilasi *Imam-imam yang Benar* Abdul Latip

Talib melakukan gerak kerja dengan menulis, menyemak dan mengulang bacaan bagi mengesahkan sesuatu maklumat itu tepat, sesuai dan menarik.

Pada tahap ini, Abdul Latip Talib akan memulakan gerak kerjanya dengan proses menulis. Proses menulis ini dimulakan dengan konsep awal *Imam-imam yang Benar*. Pada mulanya, konsep awal *Imam-imam yang Benar* adalah konsep bersiri yang dibahagikan kepada empat buah cerita iaitu Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Syafie dan Imam Hanbali. Dengan kata lain, kisah empat Imam Mazhab ini tidak disatukan dalam sebuah novel tetapi ditulis dalam novel yang berasingan. Seperti sedia maklum, idea awal Abdul Latip Talib menulis novel empat Imam Mazhab Ahli Sunah Wal Jamaah ini dalam bentuk bersiri yang bertajuk *Imam Hanafi: Pendebat Kebenaran, Imam Malik: Pengarang Kebenaran, Imam Syafie: Pejuang Kebenaran* dan *Imam Hanbali: Penegak Kebenaran*. Dengan keadaan sedemikian, Abdul Latip Talib memulakan proses penulisannya dengan kisah Imam Syafie, kemudian menulis kisah Imam Abu Hanifah, diikuti Imam Malik dan akhirnya Imam Hanbali. Dalam pada itu, Abdul Latip Talib pula menyatakan bahawa kisah keempat-empat Imam Mazhab ini ditulis secara seimbang walaupun maklumat yang diperolehi mengikut Imam Mazhab itu berbeza-beza.

Menurut Abdul Latip Talib (2019), semua gerak kerja seperti penyemakan dan pengulangan bacaan sudah menjadi amalannya sebelum karya itu diserahkan kepada pihak penerbit. Pertama sekali, beliau melakukan pengulangan pembacaan terhadap penulisannya. Misalnya, beliau mengulang bacaan beberapa kali pada setiap bahagian yang telah ditulis sehingga dirinya berpuas hati. Berdasarkan kenyataan di atas menunjukkan bahawa Abdul Latip Talib membuat pengulangan bacaan mengikut jumlah halaman yang telah dituliskan. Kemudian, beliau tidak akan menyemak segala kesalahan ayat dan kata apabila berpuas hati dengan ayat yang telah diulang baca. Dengan kata lain, beliau menulis dan menyemak setiap kata dan ayat pada waktu yang sama. Oleh itu, antara aspek yang disemak dan dimurnikan semula oleh Abdul Latip Talib adalah aspek latar, watak, dialog dan gaya bahasa supaya jalan cerita di dalam novel kompilasi *Imam-imam yang Benar* menjadi lebih menarik.

### Kesan Penceritaan melalui Proses Menulis

Proses menulis yang dilakukan oleh Abdul Latip Talib di peringkat verifikasi ini telah banyak memberi kesan kepada novelnya. Kesan ini jelas diperlihatkan melalui gaya penulisannya yang terkandung dalam teknik surah Yusuf. Antara kesan penceritaan yang didapati dalam novel kompilasi *Imam-imam yang Benar* ialah pertama kisah benar, kedua watak utama adalah lelaki dan ketiga jumlah watak melebihi 20 orang. Menurut teknik penulisan surah Yusuf, kisah yang ditulis adalah benar seperti kisah Nabi Yusuf, yakni bukan cerita rekaan. Dalam dunia sebenar, sukar bagi menghasilkan novel berdasarkan kisah benar semata-mata, tetapi sekiranya sebahagiannya adalah berdasarkan kisah benar, maka hal itu sudah mencukupi (Ainon Mohd., 2011: 13).

Dalam teknik surah Yusuf menyatakan bahawa watak utama dalam kisah Nabi Yusuf adalah lelaki, yakni Nabi Yusuf. Sebagai watak utama, beliau adalah lelaki yang mempunyai sifat-sifat ideal, yakni yang tampan dan baik akhlaknya (Ainon Mohd., 2011: 14). Hal ini bertepatan dengan watak yang ada di dalam novel kompilasi *Imam-imam yang Benar*. Misalnya, watak utama adalah lelaki seperti Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Syafie dan Imam Hanbali yang juga mempunyai sifat-sifat ideal dan akhlak yang baik. Contohnya, kisah Imam Syafie merupakan seorang watak utama lelaki yang ideal kerana dia ulama yang simpati, tegas dan bertanggungjawab terhadap penduduk kota Najran. Imam Syafie seorang hakim dan sudah menjadi amanah beliau untuk melihat permasalahan rakyat. Sesudah Imam Syafie solat dhuha, beliau berjalan memerhatikan kawasan sekeliling namun belum sempat menziarahi kampung-kampung yang terletak di kota Najran. Oleh itu, beliau mengajak Gabenor as-Saud yang menjadi gabenor baru kota Najran untuk turun padang menemui rakyat. Sebaliknya, gabenor tersebut tidak berminat dan lebih mementingkan urusan majlis keraian pelantikannya sebagai gabenor yang baru. Kisah ini dapat dilihat dalam bab lima belas “Fitnah di Najran”:

“Saya mempunyai pelbagai urusan yang lebih penting berbanding menziarahi penduduk kota Najran yang langsung tidak mendatangkan apa-apa manfaat kepada saya,” kata Gabenor as-Saud dengan lagak sombang sambil memandang tepat wajah Imam Syafie”. ... “Saya dengan jujur merasakan tindakan tuan gabenor ini sudah melampau dan tidak sesuai sekali,” ujar Imam Syafie dengan agak tegas.

(Abdul Latip Talib, 2011: 436-437)

Tambahan lagi, dalam kisah Nabi Yusuf terdapat banyak watak sampingan dan banyak jenis watak, daripada raja sampai ke hamba, daripada bayi sampai kepada orang tua, daripada watak baik sampai kepada watak jahat. (Ainon Mohd., 2011: 40). Hal ini jelas didapati dalam novel kompilasi *Imam-imam yang Benar* apabila watak yang ditonjolkan banyak. Menurut Shahnon, langkah pertama dalam perwatakan ialah memberi nama (Shahnon Ahmad, 1989:68). Misalnya, pengkaji mendapati watak yang disebut namanya dalam bahagian Imam Abu Hanifah seramai 156 watak. Berdasarkan jumlah tersebut, watak baik seramai 101 orang manakala watak jahat seramai 55 orang. Bahagian Imam Malik pula seramai 104 watak iaitu watak baik seramai 86 orang manakala watak jahat seramai 18 orang. Seterusnya, bahagian Imam Syafie pula seramai 102 watak yang terdiri daripada 91 orang watak baik manakala watak jahat seramai 11 orang. Bahagian Imam Hanbali pula seramai 137 watak iaitu seramai 113 orang watak baik dan 24 orang watak jahat. Justifikasinya, jelas membuktikan bahawa jumlah watak yang disebut namanya di setiap kisah Imam Mazhab dalam novel kompilasi *Imam-imam yang Benar* melebihi 100 orang watak. Inilah kesan dari teknik penulisan surah Yusuf yang menyatakan formula bagi menghasilkan kisah yang indah dan salah satu keindahan pada surah Nabi Yusuf ialah jumlah watak yang banyak. Berdasarkan jumlah watak yang dinyatakan menunjukkan bahawa keempat-empat kisah Imam Mazhab tersebut mempunyai watak yang baik lebih ramai berbanding watak yang jahat.

### **Kesan Penceritaan melalui Penyemakan dan Pengulangan Bacaan**

Penyemakan dan pengulangan bacaan dengan memurnikan watak dan latar telah memberi kesan terhadap penceritaan dalam novel kompilasi *Imam-imam yang Benar* apabila gaya bahasa yang digunakan oleh Abdul Latip Talib mudah difahami oleh pembaca. Namun demikian, sesetengah gaya bahasa dalam novel kompilasi *Imam-imam yang Benar* bersifat puitis. Gaya bahasa seperti ini berbunga-bunga dan mendayu-dayu dan memberikan gambaran yang sangat berlebih-lebihan kepada sesuatu perkara yang hendak diperkatakan (Fatimah Busu, 2003: 164). Biasanya gaya bahasa seperti ini jarang digunakan oleh pengarang dalam penulisan novel sejarah. Malahan, aspek latar suasana pula dihidupkan dengan gaya bahasa puitis bagi menggambarkan perasaan dan sikap watak Imam Abu Hanifah.

Contohnya, sewaktu Imam Abu Hanifah mendengar kata-kata gurunya Imam Hammad, beliau mendengar dengan penuh khusyuk. Oleh itu, Abdul Latip Talib menghidupkan perasaan dan sifat Imam Abu Hanifah dengan memasukkan unsur hiperbola seperti, “Wajahnya yang tenang bagi air sungai yang mengalir jernih nampak bercahaya” (Abdul Latip Talib, 2011: 62). Petikan ini jelas menunjukkan bahawa wajah Imam Abu Hanifah berseri-seri seperti air sungai yang mengalir sehingga bercahaya. Walaupun sikap yang digambarkan kepada Imam Abu Hanifah ini tidak melanggar kepada keperibadian dirinya tetapi ia mencetuskan kontroversi kerana melebih-lebihkan sikap yang ada pada tokoh sejarah Islam. Walau bagaimanapun, dalam penulisan cereka Islam, pengarang harus mempunyai daya kreativiti untuk menghasilkan karya yang digambarkan dengan memenuhi keperluan estetika tetapi kreativiti pengarang dalam Islam dibatasi oleh gambaran yang tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam (Ismail Hamid, 1995: 219). Hal ini apa yang cuba dilakukan oleh Abdul Latip Talib apabila beliau cuba memurnikan ceritanya dengan gaya bahasa yang menarik tetapi tidak melanggar prinsip-prinsip Islam.

## **KESIMPULAN**

Setelah meneliti gerak kerja proses kreatif Abdul Latip Talib, ternyata beliau dapat disimpulkan sebagai seorang penulis yang sistematik dan cekap dalam menghasilkan karya kreatif. Hal ini sesuai dengan sikap dan pandangan beliau apabila minatnya dalam penulisan novel sejarah Islam amatlah kuat. Abdul Latip Talib menyatakan juga bahawa insan kreatif perlu yakin dan berani dalam apa jua yang dilakukan asalkan tujuan baik dan dapat memberi kesan positif kepada masyarakat. Akhirnya, analisis dan dapatan kajian membuktikan pengaruh minat dan niat Abdul Latip Talib untuk memperkenalkan kisah hidup tokoh empat Imam Mazhab ini merupakan dasar, isu, keperluan dan masalah utama yang menjadi akar umbi dalam menghasilkan novel kompilasi *Imam-imam yang Benar*. Kesimpulannya, empat peringkat proses kreatif Wallas ini telah memperlihatkan gerak kerja Abdul Latip Talib melalui kreativitinya yang datang bersama-sama ilham sehingga tercermin kesan penceritaan dalam novel kompilasi *Imam-imam yang Benar*.

## **PENGHARGAAN**

Penulisan kertas kerja ini adalah sebahagian daripada penulisan tesis Ijazah Sarjana Sastera yang telah diusahakan oleh penulis (Aqhari bin Isa) bersama penyelia (Dr. Halimah binti Mohamed Ali) di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

## **RUJUKAN**

- Abdul Halim Ali. (2019). Proses Kreatif A. Samad Said dalam Penghasilan Karya Kreatif: A. Samad Said's Creative Process with the Creative Works. *PENDETA*, 3, 155–180.
- Abdul Latip Talib. (2011). *Imam-Imam yang Benar*. Batu Caves: PTS Litera Utama Sdn. Bhd.
- Abu Hassan Abdul, Ghazali Din, Wahibah Twahir, & Mohd. Sidik Ariffin. (2016). Retorika Dakwah Dalam Autobiografi - Perjalananku Sejauh Ini dan Kenang-Kenangan Hidup. *PENDETA*, 7, 9–24.
- Ahmad Asy-Syurbasi. (1978). *Biografi Imam Mazhab Empat*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Ainon Mohd. (2011). *Panduan Menulis Novel Teknik Surah Yusuf*. Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Burhan Nurgiyantoro. (1995). *Teori Pengkajian Fiksi*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Danziger, M. K. & Johnson, W. S. (1983). *Pengenalan Kritikan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Fatimah Busu. (2003). *Memupuk Bakat & Minat Penulisan Kreatif Teori & Proses*. Bentong: PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Foster, E. M. (1979). *Aspek-aspek Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ghiselin, Brewster (ed.). (1983). *Proses Kreatif*. Jakarta: Penerbit Gunung Jati.
- Hafizah Iszahanid. (14 Ogos, 2017). Novel Anugerah Julang Ketokohan Ibu Zain. *Berita Harian Online*. Bahan diakses pada 23 September 2022, daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2017/08/312135/novel-anugerah-julang-ketokohan-ibu-zain>
- Halimah Mohamed Ali. (2017). “Nabi Khidir Menyelamatkan Raja Iskandar: Penyatuan Mitos dan Sejarah Islam dalam Sebuah Hikayat”. *Proceedings International on Islamic Civilization and Thoughts (INSIST) Toward Civilization Sustainability and Universal Peace*. Universiti Sains Malaysia, 209-223.
- Halimah Mohamed Ali. (2018). “Novel Sultan Muhammad Al-Fateh Penakluk Konstantinopel oleh Abdul Latip Talib Suatu Penilaian Semula Sejarah Islam melalui Genre Fiksyen”. *Prosiding Seminar Antarabangsa Penyelidikan mengenai Melayu (SAOEMN) Kali ke-2*. Universiti Brunei Darussalam, 347-359.
- Hashim Awang. (1989). *Novel Hikayat: Struktur Penceritaan Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ismail Hamid. (1995). “Ciri-ciri Cereka Islam” dlm. *Nadwah Ketakwaan melalui Kreativiti*. Diselenggara oleh S. Jaafar Husin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- K. H. Moenawar Chalil. (1988). *Biografi Empat Serangkai Imam Mazhab*. Batu Caves: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Md. Salleh Yaapar. (1992). “Kesusasteraan Islam dan Penghayatannya di Malaysia Pada Masa Kini” dlm. *Sastera Sufi*. Diselenggara oleh Baharuddin Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohamed Nazreen Shahul Hameed, Has Alia Hasnan & Rohayah Md. Ali (2023). Pembangunan Sebuah Novel Sejarah: Satu Analisis Tekstual terhadap *Tun Perak Paduka Raja*. *International Journal of Malay World and Civilisation*, 11(1), 51-66.
- Muhammad Abdurrahman al-Khumais. (1998). *Aqidah Empat Imam Mazhab*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Rosmah Derak. (2014). Mendokumentasi Sejarah dalam Novel 1515: Satu Penulisan Semula daripada Perspektif Golongan Subaltern. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*. 21, 125-147.
- Shahnon Ahmad. (1989). *Gubahan Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Shipley, Joseph. T. (1970). *Dictionary of World Literary Terms*. London: George Allen & Unwin Ltd.
- Temu bual bersama Saudara Abdul Latip Talib (Penulis Novel), di Jelebu, Negeri Sembilan pada jam 8:30 malam, 12 April 2019.
- Wallas, Graham. (1926). *The Art of Thought*. London: Watts & CO.
- Wallas, Graham. (1976). “States in the Creative Process” dlm. *The Creativity Question*. Disunting oleh A. Rottenberg & C. R Hausman. Durham, N. C.: Duke University Press.